

Sokong calon dipilih

15 NOV 1999

KUALA LUMPUR 14 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menggesa semua anggota Barisan Nasional (BN) menyokong setiap calon yang dipilih oleh pimpinan parti dengan membelakangkan kepentingan masing-masing demi memastikan kejayaan majoriti dua pertiga pada pilihan raya umum ke-10.

Pengerusi BN itu mengingatkan, pakatan yang terdiri daripada 14 parti komponen berkenaan akan gagal sekiranya setiap ahli BN berebut-rebut mahu menjadi calon.

Kata beliau, kepimpinan BN akan memilih calon terbaik yang terdiri daripada pelbagai parti dan kaum untuk mewakili gabungan 14 parti komponen tersebut.

"Masalah yang akan mengagalkan kita bukan



jumlah ahli, bukan kewangan tetapi ialah jika kita berebut-rebut untuk jadi calon," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian amanat pengerusi kepada penggempur pilihan raya Pergerakan Pemuda dan Wanita BN di sini hari ini.

Pada majlis itu beliau menyampaikan amanat kepada 15,000 orang jente-

ra gerak gempur pilihan raya Pemuda dan Wanita BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sebelum mereka mula berkempen di kawasan masing-masing.

Ucapannya hari ini merupakan yang pertama disampaikan kepada ahli-ahli BN sejak Parlimen dibubarkan pada 11 November lalu, yang membuka jalan kepada pilihan raya umum ke-10 pada 29 November ini.

Menurut Dr. Mahathir, ahli-ahli parti boleh memberikan pendapat mereka mengenai siapa yang layak menjadi calon termasuk diri mereka sendiri tetapi beliau berharap apabila calon ditentukan tidak ada pertikaian lagi.

"Parti kita (BN) akan menang jika mempunyai disiplin yang cukup kuat.

"Apabila kita namakan calon, jadi tugas saudara dan saudari untuk ten-

tukan calon Barisan Nasional menang.

"Apa yang kita nampak hanya simbol daging saja. Calon kita tidak ada muka. Dia bukan hitam, coklat atau kuning tetapi dia adalah BN, biru dan putih," kata beliau yang juga Presiden UMNO.

Pada ketika ini, Perdana Menteri meminta semua ahli kedua-dua sayap BN yang memenuhi Dewan Tun Razak itu supaya bangun dan berikrar di hadapan beliau menyatakan tata setia mereka kepada BN.

Ikrar itu dibaca oleh Dr. Mahathir dan diikuti dengan bergema oleh semua penggempur Pemuda dan Wanita BN.

Ia berbunyi: "Kami akan sokong, akan undi, akan menentukan rakyat undi semua calon BN walau dari parti mana sekali pun, walau kaum apa sekali pun ...

yang menjadi calon BN adalah calon kami."

Dalam ucapannya yang mengambil masa lebih satu jam itu, seperti semua anggota Pemuda dan Wanita BN yang hadir, Dr. Mahathir kelihatan begitu ceria dan bertenaga.

Beliau membidas parti pembangkang terutamanya Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas serta menyentuh mengenai pembangunan dan pencapaian negara sejak merdeka sehingga diiktiraf oleh seluruh dunia.

Dalam konteks itu, Dr. Mahathir memberikan contoh kejayaan Malaysia menjadi penganjur beberapa acara antarabangsa yang disifatkan oleh ramai pihak sebagai yang terbaik di dunia.

"Kerajaan BN bukan saja berjaya dalam pembangunan fizikal tetapi telah dapat menyemai semangat

Dr. Mahathir

baru, semangat kental dalam jiwa rakyat Malaysia," katanya.

Beliau merujuk kepada kejayaan rakyat Malaysia dalam beberapa ekspedisi lasak ke Gunung Everest, Kutub Utara dan Selatan serta pelayaran solo Datuk Azhar Mansor mengelilingi dunia.

Dr. Mahathir juga memukau para hadirin dengan ucapannya yang sinis. Selain Keadilan dan Pas, beliau turut 'memukul' media asing yang selalu memberikan gambaran yang negatif terhadap negara.

Mengenai media asing yang menyebut bahawa selain projek mega, antara kejayaan Dr. Mahathir ialah menyatukan pihak pembangkang, beliau berkata, ia adalah satu penghormatan yang besar.

"Saya suka maklumkan kepada mereka yang tersalah mendapat maklu-

mat ini bahawa saya menganggapnya sebagai satu penghormatan kerana saya sudah menyatupadukan parti-parti pembangkang daripada pelbagai kaum di bawah satu bumbung.

"Oleh itu, saya sangat bangga kerana saya sudah berjaya memaksa parti-parti pembangkang supaya membelakangkan perkauman yang tebal dan merapatkan barisan mereka supaya kita boleh lawan satu sama satu," katanya.

Beliau juga menyelar pakatan pembangkang yang menggelarkan diri mereka barisan alternatif dengan berkata: "Kononnya barisan tetapi tak ada barisan."

Jelas Dr. Mahathir, pakatan pembangkang "tidur bersama tetapi mempunyai mimpi berlainan."

"BN bukan tidur bersama tetapi bergerak dalam

satu barisan memelihara negara, bangsa dan kemerdekaan kita.

"Kita tidak akan tidur sampai selesai pilihan raya dan kemenangan sekali lagi kembali kepada BN," katanya.

Dr. Mahathir juga sekali lagi menegaskan bahawa pilihan raya diadakan bukan untuk menguji populariti beliau berbanding mana-mana pemimpin.

"Ini (pilihan raya) bukan pertandingan ratu cantik ... nak tengok siapa lebih cantik, lebih baik. Hanya orang yang bodoh saja kata pilihan raya untuk uji siapa lebih popular.

"Kita berkempen untuk menjayakan parti kita kerana sedar pilihan raya adalah untuk membentuk kerajaan yang berwibawa, ada idea yang baik supaya dapat memajukan negara," katanya.